

Pemimpin sebagai pendorong rakyat pupuk semangat ketahanan diri

TIADA disyaki lagi tugas dan peranan wakil-wakil rakyat, baik di peringkat Parlimen mahupun Negeri, bertambah berat. Seorang wakil rakyat tidak lagi sekadar menjadi lidah dan suara yang menghubungkan rakyat dengan kerajaan. Beberapa waktu lalu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Rahim Tamby Chik, ketika berucap kepada pemimpin-pemimpin rakyat peringkat kampung, menasihatkan mereka supaya jangan hanya bertindak sebagai penyambung lidah saja. Dengan erti lain, beliau menganjurkan pemimpin-pemimpin rakyat supaya jangan hanya memenuhi tugas membuat perakuan menyokong satu-satu tuntutan dan kehendak rakyat kepada kerajaan. Sebaliknya, pemimpin-pemimpin rakyat harus bertindak lebih sebagai pendorong rakyat untuk berdikari, memupuk

semangat ketahanan diri dan bergantung kepada kemampuan dan ikhtiar sendiri, tanpa terlalu bergantung kepada kerajaan dan mengharapkan pertolongan kerajaan.

Demikian jugalah peranan dan tugas wakil rakyat sekarang dan dengan gaya serta stail pemerintahan 2M membawa perubahan dan pembaharuan dalam konsep kepemimpinan, terpaksa dan berkewajipanlah setiap wakil rakyat mengikut rentak dan gaya kepemimpinan kedua-dua pemimpin negara itu. Sudah wajarnya maka sebelum pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan bahagian serta desa mampu menyesuaikan gaya dan stail kepemimpinan mereka dengan rentak baru yang dipelopori oleh kedua-dua pemimpin itu, mereka harus memahami dan mengerti sepenuhnya dasar-dasar

Kerajaan Pusat. Dalam pertemuan tertutup hari Jumaat kelmarin di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikatakan memberi penjelasan tentang setengah-setengah dasar penting kerajaan kepada wakil-wakil rakyat. Di samping itu, tugas pokok dan peranan terpenting wakil-wakil rakyat memenuhi tanggungjawab mereka juga ditegaskan, iaitu peranan yang semula jadi dan tradisional yang mesti dipikul oleh setiap wakil rakyat.

Peranan tradisional ini sebagai wakil rakyat tidak berubah sebagai penghubung dan jambatan antara rakyat dengan kerajaan. Tetapi cara dan gaya kepemimpinan harus disesuaikan dengan keadaan baru yang lahir dari perkembangan-perkembangan politik, ekonomi dan sosial dalam negara kita seka-

rang. Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia, kesatuan buruh dalam syarikat, Kepemimpinan Melalui Teladan dan pembaharuan-pembaharuan lain yang dibawa oleh kedua-dua Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam barang kali tidak sukar diberikan fahaman kepada rakyat. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah nilai-nilai hidup baru yang hendak ditanam oleh pemimpin-pemimpin negara itu sebagai landasan kukuh untuk rakyat menghadapi cabaran-cabaran dekad tahun-tahun lapan puluhan. Sebagai contoh ialah nilai hidup berani menghadapi ujian hidup berlumba-lumba, mencari kemajuan dan pengetahuan dengan kebolehan dan kemampuan sendiri, menggunakan setiap peluang yang terbuka

hasil dari dasar-dasar kerajaan, melorongkan jalan kepada Bumiputera mencapai kemajuan, bekerja dengan gigih dan berdisiplin, mencapai satu-satu matlamat hidup....Tanpa pembaharuan dalam sikap dan pandangan hidup terhadap setiap masalah, sukarlah untuk kita mencapai matlamat bangsa hendak menjadikan negara ini sebuah negara industri, setaraf dengan negara-negara maju lain. Inilah yang perlu sekali disampaikan kepada rakyat kerana tanpa pengertian dan kesedaran rakyat, sukarlah untuk kita mengerah dan menggembleng tenaga mereka untuk mencapai cita-cita negara dan bangsa sebagai yang digariskan oleh kedua-dua pemimpin itu.

Pandangan jauh (vision) yang dijelmakan sebagai gagasan kini memberikan nafas baru kepada rakyat untuk bergerak. Ia menjadi matlamat dan cita-cita negara. Terpujanglah kepada pemimpin-pemimpin di peringkat negeri pula untuk menggerakkan dan mendorong rakyat menyinsing lengan dan menjadikan cita-cita itu sebagai matlamat hidup mereka di masa hadapan.